



**KENYATAAN TAWARAN**

**TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK KE ASRAMA SEKOLAH-SEKOLAH BAGI TEMPOH KONTRAK MULAI 1 JUN 2015 HINGGA 31 MEI 2017 DAN 1 JULAI 2015 HINGGA 30 JUN 2017 (BAGI SMK BANDAUI, KOTA MARUDU)**

- Tawaran ini adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah Kod Bidang Bekalan / Perkhidmatan di bawah Kepala dan Sub-Kepala 040103 (Makanan Bermasak Islam) yang masih sah dan berkuatkuasa. Perlu diingatkan kod 080501 adalah tidak dibenarkan.
- Tender ini adalah bagi asrama sekolah-sekolah seperti jadual di bawah:

BIL.	KOD TENDER	NAMA SEKOLAH	DAERAH	BILANGAN PENGHUNI ASRAMA	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT	PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN TEMPAT HANTAR
<b>NEGERI SABAH</b>							
1	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-001	SMK WESTON	BEAUFORT	80	<p>Tarikh: 23 April 2015 (Khamis) Masa: 8.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari Tempat: Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kota Kinabalu, Sabah</p> <p>Tarikh: 24 April 2015 (Jumaat) Masa: 8.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari Tempat: SK Pekan II, Lahad Datu</p> <p>Tempat: PPD Kota Kinabalu, PPD Kota Belud, PPD Beaufort, PPD Kota Marudu, PPD Kunak, PPD Lahad Datu, PPD Papar, PPD Pitas, PPD Sandakan, PPD Tambunan, PPD Ranau, PPD Telupid, PPD Tenom, PPD Keningau.</p>	<p>Tarikh: 27 April 2015 sehingga 18 Mei 2015</p> <p>Masa: 8.30 pagi sehingga 11.00 pagi 2.00 petang sehingga 3.00 petang</p> <p>Masa: 12.00 tengah hari</p> <p>Tempat: Peti Tawaran, Unit Perolehan, Sektor Khidmat Pengurusan Dan Pembangunan, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Aras 1, Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah Jalan Punat Tanah Likas 88450 Kota Kinabalu, Sabah.</p>	
2	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-002	SMK NARINANG	KOTA BELUD	450			
3	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-003	SMK (A) TUN AHMAD SHAH	KOTA KINABALU	450			
4	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-004	SMK TANDEK	KOTA MARUDU	400			
5	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-005	SMK MADAI	KUNAK	286			
6	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-006	SMK AGASEH	LAHAD DATU	258			
7	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-007	SMK SAINS	LAHAD DATU	550			
8	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-008	SMK BONGAWAN	PAPAR	180			
9	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-009	SMK MAJAKIR	PAPAR	150			
10	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-010	SMK KANIBONGAN	PITAS	220			
11	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-011	SK TELAGA	PITAS	130			
12	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-012	SK ROSOB	PITAS	100			
13	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-013	SMK SEGALIID	SANDAKAN	250			
14	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-014	SMK TAMBUNAN	TAMBUNAN	350			
15	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-015	SMK AGAMA MUHAMAD ALI	RANAU	600			
16	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-016	SMK TELUPID	TELUPID	480			
17	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-017	SMK TENOM	TENOM	300			
18	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-018	SMK AGAMA KENINGAU	KENINGAU	200			
19	JP(SB)300/UBKP/2015/TDR-020	SMK BANDAUI	KOTA MARUDU	200			

- Petender-petender yang ingin menyertai tender ini hendaklah menyerahkan **Wang Kiriman / Bank Draf** bernilai **RM50.00** atas nama **Pengarah Pendidikan Negeri Sabah**, bagi pembelian setiap tender yang dipohon. Wang tunai, cek-cek persendirian tidak akan diterima. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.
- Semasa **Taklimat Tender dan pembelian Dokumen Tender**, petender-petender hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL (untuk pengesahan)** dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut:
  - Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan / Sijil Virtual yang lengkap menyatakan Kod Bidang berkaitan; dan**
  - Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan**
  - Surat wakil yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. (bagi wakil syarikat)**
- Setiap petender yang hendak memasuki tender adalah **DIWAJIBKAN HADIR KE TAKLIMAT TENDER dan LAWATAN TAPAK**. Hanya petender yang menghadiri taklimat tender sahaja dibenarkan membeli satu Dokumen Tender bagi satu tawaran. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**.
- Petender yang menghadiri taklimat terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah atau Kakitangan Tetap syarikat sahaja. Surat Perwakilan Kuasa dan bukti kakitangan tersebut adalah pekerja tetap syarikat hendaklah dikemukakan semasa pendaftaran.
- Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan** hendaklah disediakan dalam sampul yang berasingan dan berlakri. **Setiap sampul hendaklah dilabelkan "Tawaran Teknikal" dan "Tawaran Kewangan" di sebelah kiri atas sampul. Kemudiannya kedua-dua sampul dimasukkan ke dalam satu sampul besar beralamat seperti yang dinyatakan di bawah. Tawaran tender hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender selewat-lewatnya sebelum atau pada tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari. TENDER YANG LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

**TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK KE ASRAMA SEKOLAH-SEKOLAH DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**NEGERI: BERDASARKAN BORANG TENDER  
DAERAH: BERDASARKAN BORANG TENDER  
NAMA SEKOLAH: BERDASARKAN BORANG TENDER  
KOD TENDER: BERDASARKAN BORANG TENDER**

**DIALAMATKAN KEPADA:  
PETI TAWARAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH  
SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN & PEMBANGUNAN  
UNIT PEROLEHAN  
ARAS 1, WISMA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH  
JALAN PUNAT TANAH, LIKAS  
88450 KOTA KINABALU SABAH,  
MALAYSIA**

- Tawaran tender tidak akan dipertimbangkan sekiranya:
  - Petender **LEWAT** mengemukakan tawaran tender;
  - Petender **GAGAL** mengemukakan **dokumen wajib dengan lengkap** seperti yang dinyatakan dalam Dokumen dan Borang Tender; dan
  - Petender **GAGAL** menghadiri **taklimat tender dan Lawatan Tapak**.
- Di antara **KRITERIA UTAMA** yang akan diberi pertimbangan adalah petender seperti berikut:
  - Petender mempunyai keupayaan pembiayaan kewangan dan boleh menampung kos operasi bersamaan dua (2) bulan tuntutan bulanan kontrak; dan
  - Petender adalah berdaftar di daerah berkenaan atau daerah bersebelahan.
- Iklan tender ini juga boleh dirujuk di portal rasmi Jabatan Pendidikan Negeri Sabah di alamat <http://jpsabah.moe.gov.my>
- Senarai sekolah bagi zon-zon di setiap daerah boleh dirujuk di portal rasmi Jabatan Pendidikan Negeri Sabah : <http://jpsabah.moe.gov.my>
- Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.**
- Keputusan tender ini adalah MUKTAMAD dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.**